

Pelajar cemerlang SPM ambil alih tugas bapa yang uzur selepas kemalangan

Pikul tanggungjawab sara keluarga

WAKTU BERBUKA	2018/ PUASA DAN IMSAK	17 Mei/ 1 Ramadhan	18 Mei/ 2 Ramadhan
KAWASAN	BERBUKA	IMSAK	

PERLIS			
Seluruh Perlis	7.29	5.31	
KEDAH			
Kota Setar, Kubang Pasu, Pokok Sena	7.29	5.31	
Pendang, Kuala Muda, Yan	7.28	5.32	
Padang Terap, Sik	7.28	5.30	
Baling	7.26	5.31	
Kulim, Bandar Baharu	7.27	5.32	
Langkawi	7.32	5.33	
Gunung Jerai	7.32	5.26	
PULAU PINANG			
Seluruh Pulau Pinang	7.27	5.32	
PERAK			
Tapah, Slim River dan Tanjung Malim	7.22	5.31	
Ipoht, Batu Gajah, Kampar, Sg. Siput dan Kuala Kangsar	7.24	5.32	
Pengkalan Hulu, Grik dan Lenggong	7.25	5.30	
Temengor dan Belum	7.24	5.28	
Teluk Intan, Bagan Datoh, Kg. Gajah, Sri Iskandar, Berus, Parit, Lumut, Sitiawan dan Pulau Pangkor	7.24	5.33	
Selama, Taiping, Bagan Serai dan Parit Buntar	7.26	5.32	
Bukit Larut	7.24	5.31	
SELANGOR			
Gombak, Hulu Selangor, Rawang, Hulu Langat, Sepang, Petaling, Shah Alam	7.20	5.31	
Sabak Bernam, Kuala Selangor, Klang, Kuala Langat	7.23	5.33	
WILAYAH PERSEKUTUAN			
Kuala Lumpur, Putrajaya	7.20	5.30	
Labuan	6.27	4.33	
NEGERI SEMBILAN			
Tampin, Jempol	7.15	5.28	
Port Dickson, Seremban, Kuala Pilah, Jelebu, Rembau	7.17	5.31	
MELAKA			
Seluruh Melaka	7.16	5.30	
JOHOR			
Pulau Aur, Pulau Pemanggil	7.07	5.20	
Johor Bahru, Kota Tinggi, Mersing	7.09	5.25	
Pontian, Kuang	7.10	5.26	
Batu Pahat, Muar, Segamat, Gemas	7.19	5.30	
PAHANG			
Pulau Tioman	7.08	5.21	

Oleh NORLIDA AKMAR IDROS

ALOR SETAR — Kepayahan hidup memaksa seorang remaja perempuan memikul tanggungjawab menyara keluarganya dengan bekerja sebagai tukang cuci di sebuah kolej di sini sejak tiga bulan lalu.

Siti Norfatihah Norshahrin, 18, berkata, dia sekeluarga hidup susah selepas bapanya, Norshahrin Halim, 45, tidak lagi dapat bekerja selepas terlibat dalam kemalangan lima tahun lalu.

“Bapa yang bekerja di Universiti Putra Malaysia sebagai pengawal keselamatan mohon bersara awal selepas tidak lagi dapat bekerja akibat kecederaan teruk pada kaki.

“Kami sekeluarga kemudian terpaksa berpindah dari kuarters UPM dan menumpang di rumah nenek di kampung ini,” katanya ketika ditemui di rumah neneknya di Kampung Belakang Stadium



Sinar
Ramadan

di sini semalam.

Kata anak kedua daripada empat beradik itu, bapanya hilang punca pendapatan dan cuba bermiaga roti canai tetapi hanya bertahan kira-kira dua bulan.

“Selepas itu, saya dan ibu, Sarah Bee Ibrahim, 57, jual kuih sejuk beku dan nasi lemak untuk sara keluarga,” ujarnya.

Menurut Norfatihah lagi, pendapatan yang diperoleh masih tidak mencukupi untuk menampung perbelanjaan keluarga memandangkan kakak dan dua adiknya masih bersekolah selain perlu menjaga nenek yang uzur.

“Saya cari kerja merata tempat sehingga diterima bekerja sementara sebagai tu-



SITI NORFATIHAH (kiri) bersama ahli keluarga yang kini menumpang di rumah neneknya di Alor Setar semalam.

kang cuci bagi mengantikan pekerja yang cuti bersalin.

“Pendapatan sebanyak RM1,000 sebulan inilah bagi menampung keperluan kami sekeluarga,” katanya lagi.

Katanya, dia bimbang dengan nasib keluarga apabila dia hanya bekerja sementara hingga bulan hadapan.

Selain itu, Norfatihah yang

memperoleh 7A dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) juga melahirkan keimbangan tidak berkemampuan untuk menyambung pengajian ke mana-mana institusi pengajian tinggi awam.

Bagi yang mahu menghulurkan bantuan boleh menghubungi Norfatihah di talian 017-6579 117.